

Perkongsian pintar UMS-Keisei Jepun

► **Diyakini beri manfaat kepada kedua-dua negara**

UB 14.1.2014 B3

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

PERKONGSIAN pintar antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Keisei Super Science School High School, Jepun menerusi program anak angkat bakal memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Penyelaras Program Rakuno Gakuen University Hokkaido Jepun Chie Kosuga berkata, objektif lawatan sambil belajar ke UMS itu adalah bertujuan membantu pelajarnya memahami alam sekitar dan juga isu-isu persekitaran di Sabah.

“Usaha ini juga bertujuan membawa balik sebarang inisiatif dan jalan penyelesaian yang dipelajari di UMS ke Hokkaido supaya mereka dapat menyelesaikan isu persekitaran yang berlaku di sini,” katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis penyerahan anak angkat UMS dan Keisei Super Science School High School di De’ Sireh Cafe UMS kelmarin.

“Usaha ini juga bertujuan membawa balik sebarang inisiatif dan jalan penyelesaian yang dipelajari di UMS ke Hokkaido supaya mereka dapat menyelesaikan isu persekitaran yang berlaku di sini.”

CHIE KOSUGA

Penyelaras Program Rakuno Gakuen University Hokkaido Jepun

Menurut Chie, ia adalah pertama kali pelajar daripada sekolah terbabit datang ke Malaysia dan melakukan program terbabit bersama dengan UMS.

“Kita juga telah menghantar pelajar kelompok pertama ke UMS pada tahun lepas tapi daripada sekolah yang lain,” katanya.

Sementara itu, salah seorang pelajar Sana Toda, 17, menyifatkan Sabah sebuah negeri yang amat indah.

“Saya amat menyukai



SANA

Sabah lebih-lebih lagi keadaan cuaca di sini. Ia amat berbeza dengan negara saya di Jepun yang kini mengalami musim sejuk dan bersalji tebal,” katanya.

Sana yang meminati mata pelajaran biologi juga berkata, dia ingin memanfaatkan masa sepenuhnya di UMS untuk memahami dan mempelajari alam sekitar di negeri ini untuk dimanfaatkan di negaranya.

Sementara itu, Pengarah IBTP Prof Dr Charles S Vairappan berkata, dengan

kepelbagaian tropika Sabah yang diamanahkan, UMS mengadakan pelbagai usaha termasuk mengadakan kerjasama dengan penyelidik daripada Jepun dan United Kingdom.

“Justeru, lawatan Keisei High School adalah sebahagian daripada kerjasama strategik yang telah lama kita bina bersama dengan Rakuno Gakuen University, Hokkaido Jepun.

“Menerusi kerjasama ini, kita berpeluang menghubungkan kedua-dua negara menerusi perkongsian ilmu pengetahuan,” katanya.